PERPUSTAKAAN PETA NEGARA
Nama Akhbar UTUSAN MALAYSIA
Tarikh 17 MAC 2009
Muka Surat M.S 2
Perkara ISU LIMBANG

Isu sempadan menghantui hubungan kedua-dua negara sejak 1995 selesai

# Limbang kini milik Malaysia



MARZUKI YUSOFF
melaporkan dari Brunei Darussalam

**BANDAR SERI BEGAWAN** 16 Mac – Brunei Darussalam hari ini secara rasmi menggugurkan tuntutan ke atas Limbang di Sarawak selepas Sultan Hassanal Bolkiah dan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menandatangani Surat Pertukaran bagi menyelesaikan isu sempadan dan tuntutan bertindih.

Berita menggembirakan itu dinyatakan oleh Abdullah kepada pemberita Malaysia selepas upacara tersebut yang ditanda tangani pada kira-kira pukul 12.05 tengah hari di Istana Nurul Iman di sini.

Peristiwa bersejarah itu turut disaksikan oleh Tuanku Mahkota Brunei, Al-Muhtadee Billah; Menteri Luar, Datuk Seri Dr. Rais Yatim dan rakan sejawatnya, Putera Mohamed Bolkiah; Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein; Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud dan Ketua Menteri Sabah, Tan Sri Musa Aman.

"Hari ini adalah hari yang cukup bersejarah kerana Brunei telah menggugurkan tuntutan ke atas Limbang dan dengan ini Limbang akan menjadi sebahagian dari wilayah kita.

"Apa yang lebih menggembirakan lagi ialah isu-isu sempadan dan perkara-perkara pokok yang berlarutan begitu lama sejak 1995 telah dapat diselesaikan," kata Perdana Menteri kepada pemberita Malaysia di pejabat Suruhanjaya Tinggi Malaysia di sini.

Isu Limbang selama ini meletakkan kedua-dua negara dalam keadaan dilema kerana wilayah itu agak unik kerana memisahkan dua kawasan daratan di Brunei.

Selain masalah persempadanan darat di Limbang, penemuan sumber baru minyak di kawasan seluas 150 kilometer oleh Petronas turut mencetuskan masalah persempadanan maritim kedua-dua negara berjiran itu.

Pada sidang akhbar yang sama, Perdana Menteri berkata, penyelesaian kepada perkara-perkara pokok dalam isu-isu berkaitan sempadan dan tuntutan bertindih itu akan membawa banyak kebaikan kepada kedua-dua negara.



**SULTAN Hassanal Bolkiah bersama Abdullah Ahmad Badawi selepas menandatangani Pertukaran Surat antara kerajaan Malaysia dan Brunei di Istana Nurul Iman, Bandar Seri Begawan, semalam. Hadir sama Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (dua dari kanan), Pengiran Isteri Azrinaz Mazhar Hakim (dua dari kiri) dan Jeanne Abdullah (kiri).** – BERNAMA

Menurut beliau, hubungan Malaysia dan Brunei selepas ini akan melalui era baru dalam kerjasama dua hala tanpa dihantui lagi oleh perkara-perkara yang boleh menimbulkan prasangka.

"Oleh itu, saya dan kerajaan Malaysia mengucapkan terima kasih kepada Sultan Brunei atas kerjasama yang diberikan atas semangat yang sama iaitu tidak mahu isu-isu tersebut menghantui hubungan sesama negara anggota ASEAN," tegas Abdullah yang terpaksa pulang ke tanah air segera kerana ada acara lain di Universiti Islam Antarabangsa (UIA), petang ini.

Abdullah yang tiba di sini malam tadi diiringi oleh isteri, Datin Seri Jeanne Abdullah.

Sementara itu, dalam pernyataan bersama oleh pemimpin kedua-dua negara yang dikeluarkan sempena majlis menandatangani Pertukaran Surat tersebut menyebut antara lain persetujuan mengenai isu persempadanan maritim, penentuan kawasan komersial (CAA) bagi sumber minyak dan gas.

Turut dipersetujui adalah memberi hak (unsuspendable rights) kepada penduduk Malaysia menyeberangi sempadan perairan Brunei - dari atau ke arah destinasi di Sarawak - tapi masih terikat dengan undang-undang serta peraturan negara jiran itu.

Malaysia dan Brunei juga mencapai penyelesaian kepada perkara-perkara yang sebelum ini menimbulkan ketidaktentuan di sempadan maritim dan di Zon Ekonomi Eksklusif (EEC).

Melalui persetujuan itu, kedua-dua negara boleh menguatkuasakan undang-undang atau peraturan sendiri di kawasan zon maritim masing-masing.

Pemimpin kedua-dua negara itu berharap penyelesaian kepada isu-isu tersebut akan merintis kerjasama lebih besar dalam pelbagai bidang terutama perdagangan, pelaburan, sumber tenaga dan hidrokarbon, pelancongan, industri halal dan sebagainya.

Pada perkembangan sama, Ketua Menteri Sarawak melahirkan rasa gembira dengan penyelesaian isu-isu sempadan yang bakal memberi banyak manfaat kepada penduduk kedua-dua negara.

Menurut Taib, Limbang akan dimajukan termasuk membangunkan sumber tenaga melalui pembinaan empangan. – UTUSAN